



# Belanjawan 2016 Propertumbuhan Prorakyat

**P**ADA bulan Julai lalu Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mengeluarkan *World Economic Outlook* yang dikemaskinikan, yang menunjukkan bahawa pertumbuhan perlahan dalam pasaran sedang muncul, manakala ekonomi maju memacu pertumbuhan secara beransur-ansur. Pertumbuhan global diunjurkan 3.3 peratus pada tahun 2015, rendah sedikit daripada pertumbuhan pada tahun 2014. Untuk tahun 2016, IMF menjangkakan pertumbuhan global mengukuh, iaitu 3.8 peratus. Pemacu yang mendasari pecutan beransur-ansur dalam aktiviti ekonomi di negara maju, iaitu keadaan kewangan mudah, dasar fiskal yang neutral di zon euro, harga bahan api rendah, serta keadaan keyakinan yang meningkat dan keadaan pasaran masih tidak terjejas.

Pasaran sedang muncul pula, menurut IMF, mengalami pertumbuhan perlahan yang berterusan

mencerminkan beberapa faktor, termasuk harga komoditi yang rendah dan keadaan kewangan luaran yang ketat, cerutan struktur, keseimbangan semula China, cemas (*distres*) ekonomi berkaitan dengan faktor teknologi.

Sebagai ekonomi membangun dan terbuka, Malaysia pastinya tidak dapat mengelak daripada senario global yang tidak menentu dan berisiko. Mata wang Malaysia adalah antara 120 mata wang dunia yang turun nilai.

Sejak 1 Januari hingga 18 September 2015, mata wang beberapa buah negara, seperti Filipina, India, Singapura, Euro, Korea Selatan, Norway, Thailand, Kanada, Australia, dan Rusia jatuh. Dalam kalangan negara yang mata wang jatuh itu, Indonesia, Malaysia, dan New Zealand yang paling teruk, masing-masing -13.6 peratus, -16.5 peratus, -17.5 peratus.



Di balik ekonomi yang tidak menentu, banyak negara di dunia masih terkial-kial untuk mencatatkan pertumbuhan, dan Malaysia pula menempuh gelora politik yang panjang, negara masih mampu mencatatkan pertumbuhan yang selesa, iaitu 5.6 peratus pada suku pertama dan 4.9 peratus pada suku kedua 2015. Pencapaian ini tidak begitu rendah jika dibandingkan China dan India yang masing-masing mencatatkan tujuh peratus untuk suku kedua tahun ini.

Apabila Shamim Adam menulis dalam *Bloomberg* kira-kira seminggu sebelum pembentangan Belanjawan 2016, menyamakan Malaysia dengan Brazil, pastinya ini menimbulkan beberapa persoalan. Ekonomi kedua-dua buah negara menempuh laluan yang berbeza. Ekonomi Brazil menguncup; ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan yang agak konsisten sejak beberapa tahun belakangan ini. Bagi kebanyakan penganalisis ekonomi antarabangsa, pertumbuhan ekonomi Malaysia adalah yang terbaik pada peringkat antarabangsa. Sementara itu, Forum Ekonomi Dunia (*World Economic Forum* (WEF)) pada 30 September lalu, menerbitkan *The Global Competitiveness Report 2015-*

2016. Daripada 140 buah ekonomi, laporan itu menunjukkan Malaysia menduduki tangga ke-18 (meningkat dua tangga), atau dengan kata lain, tergolong dalam 20 ekonomi teratas. Menurut ringkasan laporan tersebut, Malaysia meningkat untuk tahun keempat berturut-turut dalam kalangan ekonomi berdaya saing dan Malaysia kekal penarafan tertinggi dalam kalangan ekonomi Asia membangun. Malaysia menduduki senarai 50 teratas setiap 12 tonggak, mencatatkan prestasi paling kuat dalam kecekapan pasaran barang (tempat keenam) dan pembangunan pasaran kewangan (tempat kesembilan, meskipun jatuh lima tangga tahun ini). Menurut laporan itu lagi, Malaysia meningkat dalam kebanyakan tonggak.

Oleh itu, apakah fakta dan angka yang digunakan oleh Shamim Adam untuk mengingatkan bahawa negara ini menghadapi risiko "dekad yang hilang." Dalam "A Case of Brazil Blight? Scandal-Hit Malaysia Risks Lost Decade," Shamin Adam menyatakan bahawa "para pelabur menarik pelaburan mereka sebanyak AS\$4.6 bilion daripada saham dan bon pada suku lalu dan menyebabkan mata wang menjunam kepada terendah selama 17 tahun." Tambah beliau, "Pelaburan langsung asing yang diluluskan jatuh kira-kira 42 peratus pada separuh kedua 2015 kepada RM21.3 bilion."

Walaupun bagaimanapun, Dato' Sri Mohd. Najib ketika membentangkan Belanjawan 2016 berbangga dengan nilai pelaburan asing yang diperoleh yang menurut beliau, "Terus kukuh pada RM22.4 bilion pada separuh pertama tahun ini." Tegas Najib lagi, "Walaupun ringgit menyusut nilai, rizab antarabangsa kekal tinggi sebanyak RM418 bilion pada 15 Oktober 2015 yang sebenarnya mampu membiayai selama 8.8 bulan import tertanggung dan 1.2 kali hutang luar jangka pendek. Laginya, pada tahun hadapan, negara dijangkakan terus berada dalam inflasi terkawal, antara dua peratus hingga tiga peratus. Hal ini menunjukkan bahawa secara realitinya, Malaysia, negara kita yang tercinta bukanlah negara yang gagal atau bankrap, sebaliknya kita masih stabil, masih kukuh dengan *economic fundamental* dan terus berdaya saing."

Ketika membentangkan Belanjawan 2016, Dato' Sri Mohd. Najib merujuk pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebagai pencapaian pertama, yang menurut beliau, "Ekonomi semasa Malaysia mampu berkembang sebanyak

5.3 peratus bagi separuh tahun pertama 2015 dan dijangkakan mencapai 4.5 peratus hingga 5.5 peratus sepanjang tahun, meskipun ekonomi dunia dijangkakan berkembang pada kadar yang perlahan, iaitu 3.1 peratus pada tahun ini." Beliau juga menyatakan bahawa pencapaian kedua, iaitu "Secara konsisten kita telah dapat mengurangkan defisit fiskal kerajaan, daripada paras 6.7 peratus kepada 3.2 peratus yang dijangkakan pada tahun ini." Seterusnya untuk pencapaian keempat, "Kadar pengangguran dapat dikurangkan kepada 2.9 peratus dan sebanyak 1.8 juta peluang pekerjaan diwujudkan, berbanding dengan adalah 3.4 peratus pada tahun 1999."

Dato' Sri Mohd. Najib menggunakan enam pencapaian untuk menempelak pengkritik kerajaan pimpinan beliau. "Walau apa-apa sekalipun diwajahkan di mana-mana, meski apa-apa yang dilaporkan dalam media, berkaitan dengan letak duduk dan keadaan Malaysia, kononnya, negara ini diambang muflis, berada dalam krisis ekonomi, nilai ringgit terjejas teruk, ekoran persepsi ketidakcekapan tadbir urus kewangan negara, serta pula dipertikaikan tentang tatarcara perbelanjaan kerajaan yang katanya tidak berhemah."

Jika dalam pembentangan Belanjawan 2015, Dato' Sri Mohd. Najib mengambil masa seketika untuk menjelaskan maksud ekonomi modal dan ekonomi rakyat kepada anggota Parlimen dan para hadirin – seolah-olah beliau menyampaikan kuliah kursus ekonomi di universiti, sebaliknya dalam pembentangan Belanjawan 2016 dapat dikatakan beliau tidak lagi melakukan sedemikian. Beliau hanya bermukadimah tentang pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (CBP), yang bagi beliau, mempunyai beberapa kebaikan atau kelebihanannya, antaranya "Pada tahun 2016, dalam perkiraan kerajaan, sekiranya dan seandainya CBP tidak dilaksanakan, dan kita masih dengan sistem cukai jualan dan perkhidmatan (CJB), seperti yang sebelumnya, hasil negara akan berkurangan sebanyak RM21 bilion."

Belanjawan terbaharu ini memperuntukkan RM267.2 bilion berbanding dengan RM260.7 bilion peruntukan dipinda pada tahun 2015. Daripada jumlah tersebut, RM215.2 bilion untuk perbelanjaan mengurus dan RM52 bilion bagi perbelanjaan pembangunan. Seperti lazim, emolument adalah yang tertinggi, iaitu diperuntukkan RM70.5 bilion.


Antara yang tertinggi dalam perbelanjaan mengurus termasuklah bekalan dan perkhidmatan dengan RM36.3 bilion, bayaran khidmat hutang dengan RM26.64 bilion, subsidi diperuntukkan RM26.09 bilion, dan bayaran persaraan yang diperuntukkan RM19.50 bilion.

Di bawah peruntukan pembangunan, sektor ekonomi menerima agihan tertinggi sebanyak RM30.1 bilion, diikuti oleh sektor sosial RM13.1 bilion, merangkumi pendidikan dan latihan, kesihatan, perumahan serta kesejahteraan masyarakat. Sektor keselamatan pula diperuntukkan sebanyak RM5.2 bilion. Selebihnya diagihkan kepada sektor pentadbiran am, iaitu sebanyak RM1.6 bilion ringgit dan simpanan luar jangka sebanyak RM2 bilion.

Untuk tahun 2016, menurut Laporan Ekonomi 2015 - 2016, ekonomi negara dijangkakan kekal kukuh, tumbuh antara empat peratus hingga lima peratus, manakala pertumbuhan global 3.8 peratus – lebih baik berbanding dengan pertumbuhan tahun 2015, iaitu 3.1 peratus, disumbangkan oleh peningkatan prestasi ekonomi di negara maju dan keadaan ekonomi yang semakin baik. Menurut laporan itu, perbelanjaan swasta kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi Malaysia dengan penggunaan swasta dijangkakan berkembang 6.4 peratus. Penggunaan swasta dijangkakan masih kukuh dan mampu menandakan lebih banyak permintaan.

Belanjawan 2016 yang bertemakan "Menyejahterakan Kehidupan Rakyat," bertujukan lima keutamaan, iaitu memperteguh ketahanan ekonomi negara; meningkatkan produktiviti, inovasi, dan teknologi hijau; mempersiagakan modal insan; memperkasakan agenda bumiputera; dan meringankan kos sara hidup rakyat. Untuk keutamaan pertama, dalam langkah satu, aktiviti pelaburan domestik akan terus dirancakkan dengan jangkaan sumbangan kepada KDNK pada 26.7 peratus bagi tahun 2016 yang dipacu oleh pelaburan swasta yang meningkat RM218.6 bilion serta disokong oleh pelaburan awam sebanyak RM112.2 bilion.

**Perbelanjaan swasta kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi Malaysia dengan penggunaan swasta dijangkakan berkembang 6.4 peratus.**



Cyber City Centre di Cyberjaya.

Perindustrian  
Samaraju, Sarawak.

Untuk memacu pertumbuhan, antaranya bergantung pada pelaburan domestik dan projek kerja raya atau infrastruktur. Pelaburan domestik dapat dilihat dalam keutamaan pertama, antaranya melalui pembangunan Malaysian Vision Valley (unjuran pelaburan RM5 bilion pada tahun 2016), pelaksanaan Cyber City Centre di Cyberjaya (dengan nilai pembangunan hampir RM11 bilion dalam tempoh lima tahun), pembangunan Bandar Lapangan Terbang atau Aeropolis KLIA (jangka pelaburan sebanyak RM7 bilion), pelaburan RM6.7 bilion oleh Khazanah Nasional Berhad dalam sembilan projek domestik berimpak tinggi, pelaburan seterusnya untuk Projek RAPID Complex di Pengerang, Johor (dianggarkan RM19 bilion untuk tahun 2016), pembangunan Rubber City di Kedah (dengan peruntukan RM320 juta, Taman Perindustrian Samaraju, Sarawak, sebanyak RM142 juta, dan Jeti Minyak Kelapa Sawit di Sandakan, Sabah, sebanyak RM20 juta), serta pembangunan industri kimia, elektronik dan elektrik, mesin dan peralatan, aeroangkasa, peranti perubatan dan perkhidmatan (dengan peruntukan RM730 juta).

Dalam Belanjawan 2016, kerajaan memberikan tumpuan pada pembangunan infrastruktur di bandar dan luar bandar. Untuk di bandar, antaranya termasuklah Projek Penyuraian Trafik Jalan Tun Razak (peruntukan RM900 juta), pembinaan Lapangan Terbang Mukah, Sarawak dan menaik taraf lapangan terbang di Kuantan dan Kota Bharu (peruntukan RM42 juta), dua projek sambungan LRT (peruntukan RM10 bilion), dan Projek LRT3 dari Bandar Utama, Damansara - Johan Setia, Klang (anggaran kos pembinaan RM10 bilion ringgit, dari tahun 2016 hingga tahun 2020).

Sementara itu, untuk pembangunan infrastruktur kawasan luar bandar, kerajaan akan membina serta menaik taraf jalan luar bandar sepanjang 700 kilometer di seluruh negara (dengan peruntukan RM1.4 bilion), di samping menaik taraf jalan di kawasan penempatan FELDA (dengan peruntukan RM200 juta), Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (dengan peruntukan RM878 juta), Projek Bekalan Air Luar Bandar (dengan

peruntukan RM568 juta), dan Program Ameniti Sosial, terutamanya projek perparitan bagi mencegah berlakunya banjir (peruntukan RM60 juta).

Sebagaimana belanjawan pada tahun-tahun sebelum ini, Belanjawan 2016 terus memberikan tumpuan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), yang dijangkakan menyumbang kepada 41 peratus KDNK menjelang tahun 2020. Sehubungan dengan itu, lima tindakan yang akan diambil: Tambah RM1 bilion bagi Skim Dana Pembiayaan PKS Patuh Syariah sehingga 31 Disember 2017, dengan kerajaan menanggung dua peratus daripada kadar keutungan pembiayaan.

RM107 juta untuk Pelan Induk PKS bagi pemberian dana di pelbagai peringkat perniagaan: RM60 juta untuk Skim Anjakan Usahawan dan Skim Peningkatan Kapasiti serta Keupayaan PKS; menubuhkan dana pinjaman mudah SME *Technology Transformation Fund* sejumlah RM200 juta di bawah SME Bank pada kadar faedah empat peratus; dan RM18 juta untuk memperluas Projek Transformasi Kedai Runcit atau TUKAR, dan Projek *Automotive Workshop Modernisation* atau ATOM.

Kejatuhan harga minyak memberikan kesan yang berbeza kepada orang, firma, sektor, dan negara yang berbeza; demikian juga kejatuhan nilai ringgit. Bagi ibu bapa yang anak mereka menuntut di luar negara, terutamanya di Amerika Syarikat, mereka terpaksa menanggung beban sebagai akibat kejatuhan nilai ringgit. Bagi pelancong Malaysia yang makan angin di luar negara, misalnya Amerika Syarikat dan Singapura, mereka terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang lebih besar berbanding dengan tahun-tahun sebelum ini. Bagi pengguna pula, kuasa beli mereka merosot kerana mereka terpaksa membayar harga yang lebih tinggi untuk barang yang diimport. Bagi pengeksport Malaysia pula, mereka dijangkakan memperoleh manfaat berbanding dengan pengimport.

Sektor pelancongan di negara kita juga dijangkakan mendapat manfaat daripada kejatuhan nilai ringgit yang pastinya mendorong kedatangan para pelancong asing. Belanjawan 2016 menyatakan sektor pelancongan merupakan sektor yang paling berpotensi untuk menjanakan ekonomi negara dalam keadaan ini. Untuk tahun 2016, kerajaan menyasarkan 30.5 juta pelancong yang dijangkakan menyumbang sebanyak RM103 bilion kepada ekonomi negara.

Untuk meningkatkan pendapatan below guna golongan pembayar cukai, Belanjawan 2016 memberikan pelepasan bagi setiap anak yang berumur 18 tahun ke bawah daripada RM1000 kepada RM2000, pelepasan cukai bagi pembayar cukai yang pasangannya tidak mempunyai pendapatan, dinaikkan daripada RM3000 kepada RM4000, dan menaikkan pelepasan cukai daripada RM6000 kepada RM8000 bagi setiap anak yang berumur 18 tahun ke atas yang sedang melanjutkan pengajian di institusi di dalam dan di luar negara.

Sebagai langkah propekerja, kerajaan menetapkan mulai 1 Julai 2016, gaji minimum RM1000 di Semenanjung dan RM920 di Sabah, Sarawak, dan Labuan. Untuk membolehkan lebih banyak pekerja mendapat manfaat di bawah PERKESO, kelayakan caruman wajib dinaikkan daripada RM3000 kepada RM4000.

Pemberian khas RM500 kepada kira-kira 1.6 juta penjawat awam, RM250 untuk 700 ribu pesara kerajaan - kedua-duanya melibatkan perbelanjaan hampir RM1 bilion, dan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), dapat dianggap meningkatkan kuasa beli golongan berkenaan. Dengan itu, sedikit banyak menyumbang kepada penggunaan swasta yang seterusnya mewujudkan lebih banyak permintaan, terutamanya dalam bidang peruncitan.

Bagi isi rumah yang berpendapatan bulanan RM3000 ke bawah, kadar BR1M dinaikkan daripada RM950 kepada RM1000, dan daripada RM750 kepada RM800 untuk isi rumah yang berpendapatan bulanan antara RM3001 hingga RM4000, manakala kategori baharu, iaitu penerima e-Kasih berpendapatan bawah RM1000 akan menerima BR1M sebanyak RM1050. BR1M dianggap dapat meringankan kos sara hidup golongan berkenaan. Satu lagi golongan yang dikenal pasti dalam Belanjawan 2016 yang kos sara hidup mereka perlu diringankan ialah kelompok berpendapatan 40 peratus terendah (B40), yang melibatkan peruntukan lebih RM1.5 bilion.

Ketidaksamaan ekonomi dikatakan semakin meningkat dalam kebanyakan ekonomi utama, dan dalam banyak ekonomi itu, ketidaksamaan pendapatan meningkat secara signifikan. Ahli ekonomi mempercayai bahawa ketidaksamaan bukan sahaja melemahkan prospek pertumbuhan ekonomi jangka panjang, tetapi juga mengekang pertumbuhan jangka sederhana dengan menekan

permintaan agregat. Seperti yang dibahaskan oleh Steven J. Klees yang menulis dalam *Project Syndicate* beberapa bulan lalu, "Pro-Growth is Not Pro-Poor," bahawa "Fokus baharu terhadap ketidaksamaan paling ketara oleh Thomas Piketty membantu merangsang dan membangkitkan semula pemikiran ekonomi yang diperjuangkan oleh Joseph Stiglitz, Anthony Atkinson, Paul Krugman, dan Robert Solow. Banyak ahli ekonomi yang kini menegaskan bahawa bukan sahaja pertumbuhan ekonomi tidak dengan sendirinya mengurangkan kemiskinan dan ketidaksamaan, tetapi juga dasar dan keadaan proekuiti membawa kepada pertumbuhan ekonomi yang pesat dan lebih baik."

Dalam Belanjawan 2016, kerajaan memperkenalkan ganjaran pendapatan cukai baharu untuk golongan yang meraih pendapatan antara RM600 001 hingga RM1 juta, iaitu 26 peratus berbanding dengan 25 peratus sekarang, manakala bagi yang meraih pendapatan lebih daripada RM1 juta, kadar baharu cukai tersebut ialah 28 peratus berbanding dengan 25 peratus. Langkah kerajaan ini dapat dianggap satu usaha untuk merapatkan jurang pendapatan antara golongan yang memiliki dengan golongan yang tidak memiliki. **de**

Untuk membolehkan lebih banyak pekerja mendapat manfaat di bawah PERKESO, kelayakan caruman wajib dinaikkan daripada RM3000 kepada RM4000.



Bagi pengguna pula, kuasa beli mereka merosot kerana mereka terpaksa membayar harga yang lebih tinggi untuk barang yang diimport.